

22/07/2000

Mutu rawatan hospital jadi tumpuan

HAMPIR semua akhbar harian dan mingguan berbahasa Tamil sepanjang minggu ini membincangkan mutu rawatan dan penjagaan kesihatan di hospital kerajaan serta tindakan pihak tertentu yang bersikap tidak acuh dengan masalah pesakit.

Kematian Raja Simmasalam, yang melakukan lima pembedahan susulan akibat masalah ususnya selepas menjalani pembedahan pertama untuk mengeluarkan apendiks di Hospital Selayang, menjadi tanda tanya kepada pelbagai pihak.

Cara Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng menangani isu kematian Raja yang menjalani pembedahan di hospital terancang di negara ini turut dipertikaikan apabila beliau menuduh media sengaja memperbesarkan isu itu sejurus sebelum pesakit meninggal dunia.

Akhbar Malaysia Nanban (Nanban) Selasa lalu menyiarkan berita wanita berusia 20 tahun membuat laporan polis terhadap suaminya selepas dua bulan berkahwin kerana tidak tahan dengan paksaan melakukan hubungan seks di luar tabii hampir setiap hari.

Kedua-dua akhbar Nanban dan Tamil Nesan (Nesan) keluaran Khamis lalu pula membicarakan pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam temu bual khas di televisyen bahawa senjata yang dirompak dalam kejadian di Sauk, Perak, digunakan bagi menembak ke arah sebuah kuil.

Kedua-dua akhbar itu melaporkan tindakan pantas kerajaan berjaya mencegah kejadian yang lebih buruk tetapi menyuarakan kebimbangan kerana ia mampu menggugat perpaduan masyarakat.

Dalam berita luar negara, Nesan melaporkan sebuah syarikat di Chennai, India dengan usaha sama satu lagi syarikat di Cina, berjaya menghasilkan dan memasarkan basikal berkuasa bateri yang dinamakan Mini-Ped dengan harga kira-kira 8,975 Rupee (kira-kira RM850).

Basikal itu adalah mesra alam, dan bateri yang dipakai mampu digunakan untuk perjalanan 40 kilometer dan boleh dicaj semula.

Berita luar negara Nanban melaporkan penubuhan jawatankuasa penyiasat bagi menyiasat kematian 11 harimau di hutan simpanan di Orissa, India baru-baru ini.

Hutan simpanan itu, yang juga habitat liar paling banyak memiliki harimau putih di dunia, kini hanya memiliki 44 ekor harimau.

(END)